

USIM produktif lahirkan modal insan terbilang - Asma

SEREMBAN 20 Nov. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terus produktif dalam melahirkan modal insan setiap tahun melalui peningkatan jumlah graduan yang mencecah 1,467 orang pada Majlis Konvokesyen Ke-11 USIM 2013.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail berkata, jumlah graduan 2013 merupakan bilangan tertinggi yang layak menerima sarjana muda termasuk peringkat siswazah (sarjana, PhD dan diploma siswazah) berbanding tahun sebelumnya sejak 2003.

**Pesta
KONVO**
Utusan **Mingguan** **USIM**
Malaysia
kali ke-11, 2013

“Berpandukan statistik, 1,290 merupakan graduan menerima ijazah peringkat sarjana muda, manakala 177 graduan meliputi peringkat pasca siswazah.

“Tahun 2013 ini merupakan pencapaian tertinggi bilangan graduan dilahirkan USIM, sekaligus mencatatkan peningkatan sebanyak 8.36 peratus bagi graduan di peringkat sarjana muda berbanding tahun lalu,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di Nilai, dekat sini hari ini.

Menurutnya lagi, kesemua graduan itu meliputi penuntut yang mengikuti 25 program dari



ASMA ISMAIL

lapan fakulti di USIM. Dalam pada itu, Asma berkata, majlis konvokesyen dua hari yang akan dilangsungkan pada 30 November dan 1 Disember ini turut bakal menganugerahkan ijazah kehormat kepada dua tokoh yang banyak menyumbang dalam pembangunan universiti berkenaan. “Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pengurusan Sumber Manusia akan dianugerahkan ke-

pada Presiden Taylors College University, Prof. Datuk Dr. Hassan Said.

“Manakala Penasihat Perundangan Syariah, Jabatan Peguam Negara, Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman pula bakal dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Syariah dan Kehakiman,” jelasnya.

Di samping itu, katanya, sepanjang majlis tersebut, USIM akan menganjurkan Pesta Konvokesyen bermula 28 November ini.

“Pelbagai aktiviti menarik disediakan dan orang ramai dijemput hadir memeriahkannya,” ujarnya.